


Spektrum @ PSN

Apa yang menarik bulan ini?



1 Timbalan Perdana Menteri Rasmikan Pameran 1001 Inventions di Pusat Sains Negara

1

TIMBALAN PERDANA MENTERI RASMIKAN PAMERAN 1001 INVENTIONS DI PUSAT SAINS NEGARA

2 Peserta Science Kids 2013 Teruja Rasai Pengalaman Menarik

2

Pusat Sains Negara: Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Tan Seri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin telah merasmikan pameran bertema '1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim' di Pusat Sains Negara pada 2 Oktober 2013. Majlis perasmian ini juga turut dihadiri oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Y.B. Datuk Dr. Ewon Ebin dan Timbalan Menteri MOSTI, Y.B. Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah serta para jemputan yang terdiri daripada Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, pegawai-pegawai kanan Kerajaan serta para pelajar sekolah rendah dan menengah.

2 Pertandingan Robot Combat Uji Kreativiti dan Inovasi Peserta

2

3 Sana-sini PSN

3

3 Info Sains

3

4 Program menarik akan datang

4

4 Judul buku untuk bulan ini

4

4 Jom kenali bahan pameran

4

Pameran yang bertaraf antarabangsa dari United Kingdom ini dibawa khas oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensinya, Pusat Sains Negara dengan kerjasama Science Discoveries Sdn. Bhd. dan disokong oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.



Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Perstarian Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T: 03 2089 3400 F: 03 2089 3401
W: www.psn.gov.my
Fb: fb.com/PusatSainsNegara

Malaysia telah dipilih sebagai destinasi pertama bagi penganjuran pameran 1001 Inventions di luar Eropah dan ia merupakan yang pertama kali diadakan di rantau Asia Pasifik. Pameran ini akan dibawa menjelajah ke seluruh negara sepanjang tempoh tiga tahun penganjurannya di Malaysia supaya ia dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat termasuk di kawasan luar bandar.

PESERTA SCIENCE KIDS 2013 TERUJA RASAI PENGALAMAN MENARIK

Pusat Sains Negara dengan kerjasama erat Kementerian Pendidikan Malaysia sekali lagi telah berjaya menganjurkan Program *Science Kids* yang telah berlangsung dari 29 September hingga 4 Oktober 2013.

Pada edisi kali ini, program *Science Kids* telah melibatkan seramai 58 orang peserta. Kesemua peserta yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dari tingkatan 1 dan 2. Di samping itu, 16 orang guru juga turut terlibat selaku guru pengiring sepanjang program ini berlangsung.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada semua golongan masyarakat khususnya pelajar termasuklah daripada luar bandar dan pedalaman yang kurang berkemampuan agar tidak ketinggalan dalam arus globalisasi sains, teknologi dan inovasi yang sedang pesat berkembang.

Sepanjang program ini berlangsung, para peserta telah terlibat dalam pelbagai aktiviti antaranya pertandingan drama sains, *Innotech*, Keajaiban Sains dan sukan nakal. Selain itu, mereka turut dibawa melawat ke beberapa tempat menarik antaranya kampung Kuantan untuk melihat Kelip-kelip, ke Planetarium Negara dan juga ke Taman Wetland di Putrajaya.



PERTANDINGAN ROBOT COMBAT UJI KREATIVITI DAN INOVASI PESERTA

MOSTI dengan kerjasama MyRobotz Enterprise telah menganjurkan Pertandingan *Southeast Asia Combat Robot 2013* di Pusat Sains Negara pada 7 hingga 13 Oktober 2013. Pertandingan yang julung-julung kali diadakan ini telah mendapat sambutan yang cukup hebat daripada 3000 peserta yang terdiri daripada 72 pasukan IPT tempatan dan 4 pasukan daripada luar negara.

Pertandingan ini dianjurkan bertujuan bagi meningkatkan kemahiran dan minat generasi muda dalam bidang robotik serta memberi pendedahan dalam teknologi robotik terkini. Di samping itu, para peserta juga diberi peluang untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang *wireless technology* serta robot design melalui ciri inovasi dan kreativiti.

Johan bagi pertandingan ini telah membawa pulang wang tunai bernilai RM20,000 manakala naib johan pula telah menerima RM15,000. Selain itu, pemenang bagi kategori iaitu *Best Design Award* dan *Best Engineering Award* telah menerima RM5000.

Majlis Perasmian Penutup bagi pertandingan ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri MOSTI, YB. Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah pada 13 Oktober 2013.

AMPHIBIOUS ELECTRIC VEHICLE COMPETITION 2013

12-13 Oktober 2013
Pusat Sains Negara,
Kuala Lumpur



PROGRAM 'GO FORTH INITIATIVE'

13 Oktober 2013
Kampung Hulu Melaka
Serendah, Selangor



PROGRAM KELANA SAINS DI KARNIVAL SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI DAN KERJAYA

5 Oktober 2013
SK Batang Benar,
Mantin, Negeri Sembilan



INFO SAINS

TAHUKAH ANDA?

Walaupun leher zirafah berukuran 1.5 - 1.8 meter

namun bilangan vertebra pada lehernya

adalah sama seperti manusia.

PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

PAMERAN
1001 INVENTIONS

31 Ogos 2013 - 28 Februari 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

FESTIVAL SAINS 2013

30 November - 8 Disember 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur


SCIENCE FIESTA

2 - 5 November 2013
Pusat Sains Negara Cawangan
Wilayah Utara Alor Setar, Kedah

CHILDREN LOVE
SCIENCE

7 Disember 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI

THE FANTASTIC INVENTIONS OF NIKOLA TESLA

Buku ini merupakan hasil tulisan Nicola Tesla sendiri yang memaparkan ciptaan-ciptaan beliau yang cukup menakjubkan. Nicola Tesla merupakan seorang inventor genius yang menghasilkan pelbagai hasil ciptaan namun beliau agak kurang dikenali berbanding saintis terkenal yang lain. Antara hasil ciptaan beliau yang paling luar biasa ialah 'Thinking Machine', penjana ozon dan kapal selam elektrik.

★ MERGING YOUR BODY ★



FUNGSI

Bahan pameran ini memberi penjelasan mudah tentang pewarisan genetik. Anda perlu duduk menghadap pasangan anda dan melihat antara satu sama lain. Di sini anda dapat perhatikan imej komposit wajah anda dan pasangan anda. Konsep yang ditekankan di sini adalah gen untuk ciri-ciri tertentu dinyatakan secara diskret dan bukan sebagai campuran.